

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/1991

Oktober 1990

BBT 341/3: ANATOMI TUMBUHAN

Masa: [3 jam]

---

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

---

(BBT 341/3)

1. Namakan dan huraikan komposisi dan kedudukan DUA meristem sekunder yang wujud dalam batang berkayu. Terangkan fungsi dan aktiviti kedua-dua meristem ini dalam pembentukan batang yang matang.

(20 markah)

2. Huraikan kedudukan dan aktiviti endodermis dan perisikle dalam perkembangan akar sebagai satu organ pencangkaman dan penyerapan.

(20 markah)

3. Huraikan variasi sistem vaskular yang didapati dalam berbagai jenis batang tumbuhan dan bincangkan bagaimana aktiviti sistem vaskular tersebut dapat memberi kepelbagaian dalam tumbesaran sekunder tumbuhan.

(20 markah)

4. Susunan sel dan tisu dalam tumbuhan bergantung kepada fungsi dan keadaan persekitaran. Bincangkan.

(20 markah)

...3/-

(BBT 341/3)

5. Huraikan struktur dan fungsi berikut:

- (a) Meristem apeks (primer)
- (b) Jalur Casparian

(20 markah)

6. Organ tumbuhan yang paling penting dalam penghasilan karbohidrat ialah organ yang menunjukkan variasi yang tertinggi. Bincangkan pernyataan ini dari segi perhubungan variasi struktur dengan keadaan persekitaran.

(20 markah)

-ooo0ooo-